



Kemala Indonesia

Fikiran Masyarakat, Vol. 6, No. 2, 2018
ISSN No. 2338-512X

Pelaksanaan Bimbingan Kerohanian Semasa Operasi Terhadap Anggota Tentera Darat Malaysia (TDM)

Zulkeple Abullah Sani, Khazri Osman

Jabatan Pengajian Islam Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Email: zulsan03@yahoo.com ; khazri@ukm.edu.my

Abstrak - Semangat juang bagi angkatan tentera merupakan elemen terpenting dalam menentukan sebuah ketumbukan itu dapat bertahanan menyerang atau diserang. Semangat juang diperolehi dan disuburkan melalui amalan kerohanian terdiri dari kepercayaan terhadap Ilahi, ibadah yang dituntut dan nilai-nilai murni dari akhlak dan ketenteraan. Bimbingan kerohanian dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dipertanggungjawabkan kepada Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT). Namun bukanlah mudah untuk menyuburkan semangat yang penting ini jika pendidikan agama dan kerohanian tidak dilaksanakan secara berterusan dan bersistematik. Oleh kerana itu, kajian ini bertujuan untuk mengetahui pelaksanaan bimbingan kerohanian semasa operasi yang dilaksanakan terhadap anggota TDM melalui manual Doktrin KAGAT Semasa Perang yang diterbitkan pada tahun 2009 di bawah Seksyen 5. Reka bentuk kajian ini adalah kuantitatif yang berbentuk kajian tinjauan. Data dikumpulkan menerusi borang soal selidik dan dianalisis menggunakan perisian komputer Statistical Package for the Social Science (SPSS) Version 23 berdasarkan kekerapan, peratus dan min. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan dalam aktiviti bimbingan aspek kerohanian semasa operasi terhadap anggota TDM secara keseluruhannya masih di tahap sederhana. Walau bagaimanapun, aktiviti ini tetap dan terus dilaksana pada setiap kali operasi TDM diadakan. Manual Doktrin KAGAT Semasa Perang membuktikan anggota KAGAT telah mula menumpukan perhatian terhadap latihan khususnya aspek penugasan operasi dalam mencapai tahap sempurna untuk membimbing kerohanian anggota tentera sekaligus membantu TDM menggalas tanggungjawab.

Kata Kunci: Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT), Bimbingan Kerohanian.

I. Pendahuluan.

Terdapat banyak kajian dan perbincangan berkenaan kerohanian Islam yang menghasilkan keseimbangan dan membina hidup insan sempurna. Begitu juga berkaitan fungsi kecerdasan kerohanian yang cenderung kepada pengukuhan hubungan keimanan kepada Ilahi dan hubungan terhadap diri dan alam (Nora Ahmad@Aziz 2014), (Elmi Baharuddin & Zainab Ramli 2014). Kepercayaan kepada Tuhan atau keimanan menurut al-Ghazali (2000) akan memberi kesan positif kepada kesihatan jiwa dan dapat menerima hidayah daripada Allah SWT. Manakala bagi Jabatan Arah Kor Agama Angkatan Tentera (1995), pengiktirafan terhadap Tuhan Maha Pencipta membawa umat Islam kepada perjalanan hidup sempurna samada dalam hubungan hamba kepada Tuhannya mahupun dalam tanggungjawab pelaksanaan tugas. Tidak kurang juga kajian yang

menyentuh aspek kerohanian dan hubungannya dengan semangat juang ketenteraan (Mohd Rashidi Bujai & Azmil Hashim 2015), (Khairul Fauzi Azmi & Badlihisham Mohd Nasir 2012).

Kerohanian ialah nilai dalaman dan kejiwaan manusia (al-Ghazali 1993). Rohani juga bermaksud sesuatu yang bersifat kejiwaan bukan bersifat kebendaan (Fr. Louwis Ma'luf al Yassu'i & Bernard Tottel al Yassu'i 1987). Maksud ini diperkuatkhan oleh Seyyed Hossein Nasr (1987), kerohanian merujuk kepada dunia roh yang tulus dan murni serta mempunyai kaitan dengan Ilahi. Kesuciannya mengundang kehadiran berkat dan rahmat dalam kehidupan setakat mana seseorang itu mendedikasikan dirinya kepada Allah. Bagi Elmi Baharuddin & Zainab Ramli (2014) kerohanian mengandungi unsur roh Islam dan perkataan ini lebih tepat berbanding spiritual yang masih keliru maksudnya. Oleh kerana itulah aspek rohani tidak boleh tertinggal dalam pembangunan modal insan. Oleh itu, pendidikan Islam yang bersifat holistik turut mengambil kira isu jasmani dan rohani dalam pembinaan hidup insan ke arah kejayaan, kemajuan dan kebahagiaan (Asmawati Suhid 2016). Menurut Mohd Rahim Awang (1997) semangat juang anggota tentera muslim ialah kekuatan rohani yang dimiliki oleh setiap perajurit yang menjadi pencetus dan penggerak kepada mereka untuk melaksanakan tugas dengan berkesan hasil dari gerak kerja pentadbiran agama, latihan dan dakwah serta aktiviti agama yang dilaksanakan dari semasa ke semasa. Pandangan ini dikuatkan lagi oleh Noor Azmi Mohd Zainol & Daud Mohamed Salleh (2015) iaitu kekuatan jiwa yang terpahat dalam diri anggota tentera serta mendorong anggota berkenaan dapat menjalankan tugas dengan penuh berintegriti, tanpa sebarang pantauan, arahan dan amaran malahan tanggungjawab tersebut dihasilkan dengan kualiti yang tinggi. Selain itu, Angkatan Tentera British juga telah mengambil kira moral sebagai salah satu dari elemen juang yang penting kerana semangat ini bangkit dari kuasa dalaman yang sukar diramal dan merupakan unsur penentu dalam menang atau kalah sesuatu perjuangan (Ministry of Defence et al. t.th.). Semangat yang lahir dari sumber rohani ini telah menjadi faktor kemenangan kepada Rasulullah SAW, para sahabat dan pejuang Islam tanah air suatu ketika dahulu. Oleh kerana itu, TDM telah menetapkan tiga sumber kuasa tempur yang salah satunya ialah komponen moral. Elemen nilai merupakan salah satu teras komponen ini yang dikira sebagai elemen abstrak dalam dimensi kemanusiaan yang wujud di jiwa perajurit. Manakala tonggak utama komponen nilai ialah Etos TDM iaitu kepercayaan kepada Tuhan yang melahirkan kekuatan spiritual, mental dan moral anggota TDM (Markas Latihan dan Doktrin Tentera Darat 2010). Sehubungan itu, ATM telah mewujudkan KAKAT menjadi sebuah kor yang membantu ATM menjamin kelangsungan semangat berdasarkan kerohanian wujud dalam jiwa anggota.

KAGAT merupakan institusi yang bertanggungjawab untuk melahirkan anggota tentera yang berilmu, beriman, beramal dan bertakwa ke arah memperkuatkhan kerohanian dan kekuatan tempur (*spiritual combat power*). Tanggungjawab yang dipikul ini dilaksanakan dengan penuh dedikasi semenjak penubuhannya pada 16 April 1985. Pelaksanaan tugas berkenaan diisi dengan berbagai aktiviti dan program bagi mencapai objektif penubuhan Kor yang dilaksanakan dalam pangkalan tentera mahupun di kawasan operasi ketenteraan dalam dan antara bangsa. Dengan keanggotaan terdiri dari pegawai dan Lain-Lain Pangkat, anggota mereka telah ditempatkan di semua perkhidmatan tentera bawah ATM termasuklah Tentera Darat Malaysia (TDM), Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara DiRaja Malaysia (TLDM). Keutamaan tugas pembangunan kerohanian ditumpukan kepada semua anggota tentera, isteri dan anak-anak sepanjang anggota tentera dalam perkhidmatan. Penumpuan kajian ini difokuskan kepada bimbingan kerohanian anggota TDM sahaja kerana ketumbukan dari pasukan ini merupakan jumlah terbesar dalam ATM (Jabatan Arah KAGAT 2010).

II. Pernyataan Masalah.

Bagi Tentera Darat Malaysia (TDM), ciri anggota yang dikehendaki dan menjadi aset paling bernilai kepada perkhidmatan, agama, bangsa dan negara ialah mereka yang bersemangat juang, patriotik dan taat setia. Keperluan ini melangkaui peralatan logistik dan persenjataan yang canggih kerana peralatan tidak akan memberi sebarang kesan dalam pertahanan negara selama anggota yang cemerlang rohani dan jasmani tidak wujud (Markas Latihan dan Doktrin Tentera Darat 2010). Menurut Zulkifli Mustafa (2016), Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) sebagai Kor yang bertanggungjawab dalam hal ini telah membina peribadi anggota tentera melalui pelbagai pendekatan termasuklah aktiviti peningkatan syiar Islam, pendidikan ilmu, pengamalan budaya dan nilai-nilai murni, pelaksanaan Dasar Pembinaan Mental dan Kerohanian Islam ATM (DPMKI) dan Pendidikan Islam dan Fardu Ain (PIFA).

Namun begitu, bukan mudah untuk menerapkan aspek kerohanian Islam dalam siri pembinaan peribadi seorang perajurit. Oleh kerana itulah didapati terdapat pegawai dan anggota tentera bawah pemerintahan TDM yang masih lemah dalam pembacaan al-Quran dan Pendidikan Islam dan Fardu Ain (PIFA) sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 1 (Sel Agama TDM 2018). Manakala dilihat juga aspek pengetahuan kerohanian anggota juga harus dipertingkatkan apabila berlakunya ketirisan pengetahuan dan pendidikan agama yang telah menjelaskan keseimbangan diri dan kerukunan rumah tangga (Nora Ahmad@Aziz 2014), tahap penghayatan anggota tentera terhadap pengamalan Islam terutama berpandukan

kepada Dasar Pembinaan Mental dan Kerohanian Islam ATM (DPMKI) didapati masih belum mencapai tahap yang seimbang (Burhanuddin Jalal 2015), dan sebilangan anggota TDM juga terlibat dalam masalah sosial seperti alkohol dan judi (Daud Mohamed Salleh, Noor Azmi Mohd Zainol, & Zahimi Zainol Abidin 2015).

Jadual 1: Jumlah anggota TDM Yang Lemah Dalam Pembacaan al-Quran dan Pendidikan Islam dan Fardu Ain (PIFA) ATM

	Pegawai	Anggota
Lemah dalam pembacaan al-Quran	25 2%	2508 25%
Lemah dalam Pendidikan Islam dan Fardu Ain (PIFA)	23 0.8%	4163 8.0%

Sumber: Sel Agama TDM (2018)

Walaupun telah banyak kajian berkenaan pelaksanaan bimbingan kerohanian yang melibatkan anggota tentera telah dilakukan, namun kebanyakannya tertumpu terhadap pelaksanaannya dalam kawasan pangkalan. Kejayaan bimbingan kerohanian bukan sahaja perlu dinilai di pangkalan sahaja bahkan mestilah berterusan di mana sahaja anggota berada terutama semasa bertugas di medan operasi. Oleh kerana itu, kajian ini dilaksanakan untuk mengenalpasti apakah tahap pelaksanaan bimbingan kerohanian yang telah dilakukan oleh anggota KAGAT terhadap anggota TDM di kawasan operasi tentera bagi usaha mendapat maklumat dan memudahkan usaha menambah baik pada masa akan datang.

III. Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian ini ialah kajian tinjauan yang menggunakan soal selidik untuk mendapatkan data mengenai pelaksanaan bimbingan kerohanian semasa operasi terhadap anggota TDM. Kajian menerusi manual Doktrin KAGAT Semasa Perang ditumpukan di bawah Seksyen 5: Pelaksanaan Bantuan Khidmat Keagamaan Semasa Perang meliputi aspek tugas menaikkan semangat juang, kaunseling, pengurusan korban perang, pengendalian tawan perang, membimbing kerohanian anggota semasa perang dan membuat laporan aspek pentadbiran kerohanian. Secara khususnya metodologi kajian meliputi reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah penganalisisan data. Berpandukan kepada tajuk perbincangan, reka bentuk kajian kuantitatif dilihat lebih sesuai untuk mendapatkan maklumat. Responden soal selidik diambil dari 248 orang anggota KAGAT yang berkhidmat bawah TDM berpangkalan di Utara, Tengah dan Selatan Semenanjung Malaysia dan dianalisis menggunakan *Statistic Package for Social Science (SPSS) Version 23.0*.

Kajian ini menggunakan analisis deskriptif bagi mengenalpasti pelaksanaan tugas anggota KAGAT dalam melaksanakan bimbingan kerohanian anggota TDM. Penentuan dan perbincangan hasil kajian berdasarkan Interpretasi skor min yang telah ditetapkan skala Likert yang diadaptasi dari Riduwan (2012) iaitu 1.00 hingga 1.50 menunjukkan kurang kaitan, 1.51 hingga 2.50 menunjukkan rendah, 2.51 hingga 3.50 menunjukkan sederhana dan 3.51 hingga 4.00 tinggi. Skor min digambarkan melalui Jadual 2. Selain itu, dapatan temu bual dan perbincangan bersama Timbalan Ketua Pengarah Operasi & Pembangunan Insan KAGAT (TKP OP KAGAT) bertarikh 23 November 2017 bertempat di Bilik Kaunseling, Masjid Khalid al-Walid, Kementerian Pertahanan Malaysia, Kuala Lumpur (Nawawi Daud 2017) digunakan untuk menyokong analisis.

Jadual 2: Skor Min Berdasarkan Empat Nilai

Skor Min	Interpretasi Min
1.00 – 1.50	kurang kaitan
1.51 – 2.50	Rendah
2.51 – 3.50	Sederhana
3.51 – 4.00	Tinggi

Sumber: Riduwan (2012)

IV. Perbincangan Hasil Kajian

Demografi responden yang dipilih adalah dari kalangan anggota KAGAT yang masih berkhidmat, berumur kurang 20 tahun hingga lebih 40 tahun, berpangkat pegawai dan Lain-Lain Pangkat, status perkahwinan iaitu kahwin, bujang dan janda/duda, kelayakan akademik antara sijil (SRP/PMR, SPM, STAM, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah) dan mempunyai tempoh perkhidmatan kurang 5 hingga lebih 25 tahun. Hasil kajian yang dilakukan mengenai pelaksanaan bimbingan kerohanian semasa operasi terhadap anggota TDM ditunjukkan di Jadual 3.

Jadual 3: Perlaksanaan Bimbingan Kerohanian Semasa Operasi Terhadap Anggota TDM

No	Item	STS <i>f</i> %	TS <i>f</i> %	S <i>f</i> %	SS <i>f</i> %	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Saya mempelbagaikan aktiviti kerohanian agar menarik minat anggota	-	8 3.2	197 79.4	43 17.3	3.14	0.432	Sederhana
2	Saya sentiasa bersama anggota untuk memberi suntikan semangat juang.	1 0.4	13 5.2	187 75.4	47 19.0	3.13	0.492	Sederhana
3	Saya meningkatkan semangat tempur anggota dengan memberi kata-kata yang bermotivasi.	-	19 707	181 73.0	48 19.4	3.12	0.507	Sederhana
4	Saya mempelbagaikan teknik kaunseling mengikut tahap stres anggota.	1 0.4	25 10.1	175 70.6	47 19.0	3.08	0.549	Sederhana
5	Saya menguruskan korban perang Muslim.	2 0.8	20 8.1	182 73.4	44 17.7	3.08	0.534	Sederhana
6	Saya menasihati pemerintah dalam hal keagamaan tawanan perang.	3 1.2	18 7.3	190 76.6	37 14.9	3.05	0.518	Sederhana
7	Saya menasihati pemerintah aspek keagamaan melalui perbincangan.	1 0.4	5 2.0	191 77.0	51 20.6	3.18	0.460	Sederhana
8	Saya membimbangi anggota dalam fasa perjalanan ke medan.	-	17 6.9	182 73.4	49 19.8	3.13	0.500	Sederhana
9	Saya membimbangi anggota dalam fasa semasa perang.	-	24 9.7	186 75.0	38 15.3	3.06	0.498	Sederhana
10	Saya membimbangi anggota dalam fasa selepas perang.	-	23 9.3	185 74.6	40 161.1	3.07	0.500	Sederhana
11	Saya memajukan laporan operasi kepada pihak atasan.	1 0.4	19 7.7	192 77.4	36 14.5	3.06	0.485	Sederhana
12	Saya melaksanakan ziarah kebajikan kepada waris anggota yang terlibat dengan operasi.	1 0.4	10 4.0	191 77.0	46 18.5	3.14	0.473	Sederhana
Keseluruhan						3.10	0.367	Sederhana

Sumber: Soal Selidik 2017

Sangat Tidak Setuju - STS.

Tidak Setuju - TS.

Setuju - Setuju.

Sangat Setuju - SS.

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhan perlaksanaan aktiviti penerapan kerohanian semasa operasi terhadap anggota TDM adalah sederhana ($\text{min}=3.10$, $\text{SD}=0.367$). Sungguhpun begitu, anggota KAGAT dilihat telah berusaha melaksanakan aktiviti ini apabila item ketujuh iaitu “Saya menasihati pemerintah aspek keagamaan melalui perbincangan” menjadi item tertinggi ($\text{min}=3.18$, $\text{SD}=0.460$ ”). Aspek ini merupakan faktor penggalak kepada mewujud dan melaksanakan aktiviti kerohanian di medan sesuai kajian Khairul Fauzi Azmi & Badlihisham Mohd Nasir (2012), Dasar Pembinaan Mental dan Kerohanian Islam (DPMKI) telah dilaksanakan oleh anggota KAGAT di kawasan medan. Manakala Item pertama iaitu “Saya mempelbagaikan aktiviti kerohanian agar menarik minat anggota ($\text{min}=3.14$, $\text{SD}=0.432$)” dan item kedua belas iaitu “Saya melaksanakan ziarah kebajikan kepada waris anggota yang terlibat dengan operasi ($\text{min}=3.14$, $\text{SD}=0.473$)” sebagai skor yang kedua tertinggi menunjukkan bimbining kerohanian yang dilaksanakan oleh anggota KAGAT dilakukan dalam keadaan mereka berpengetahuan melaksanakan tugas dakwah serta menyedari bahawa sasaran dakwah bukanlah di kalangan anggota sahaja bahkan keluarga mereka perlu diuruskan dengan baik. Kekurangan aspek ini akan menjelaskan matlamat TDM.

Kajian Mohd Rashidi Bujai & Azmil Hashim (2015) menyatakan terdapat hubungan antara pelaksanaan aktiviti keagamaan yang dilaksanakan dan penghayatan kerohanian anggota tentera apabila didapati wujud aspek bimbining kerohanian dikalangan mereka. Sedangkan item keenam iaitu “Saya menasihati pemerintah dalam hal keagamaan tawanan perang” adalah paling rendah ($\text{min}=3.05$, $\text{SD}=0.518$) pula bersesuaian dengan ulasan TKP OP KAGAT melalui temu bual yang menyatakan terdapat beberapa elemen operasi anggota KAGAT yang belum benar-benar mendapat latihan secukupnya termasuklah elemen-elemen berkaitan. Elemen ini turut menjadi kurikulum dalam modul kursus Pegawai Staf Agama Gred 2 (KPSA 2) yang diikuti oleh pegawai KAGAT mulai tahun 2016 (Jabatan Arah KAGAT 2016).

V. Kesimpulan

Sebagai rumusan dalam artikel ini, bimbining kerohanian kepada anggota TDM harus dipertingkatkan lagi dengan memberi latihan secukupnya kepada anggota KAGAT berkaitan tugas pelaksanaan aktiviti kerohanian

semasa operasi. Pelaksanaan bimbingan yang perlu diasah lagi termasuklah pengendalian kerohanian korban perang, tawan perang, kaunseling dan motivasi anggota perang dan bimbingan kerohanian situasi perang. Sungguhpun dapatan kajian berkaitan dengan pelaksanaan bimbingan kerohanian semasa operasi terhadap anggota TDM secara keseluruhannya berada di tahap sederhana, namun usaha pelaksanaan aktiviti kerohanian semasa operasi di medan ini dilihat tetap berterusan dan akan sempurna apabila semua anggota KAGAT cukup terlatih. Perkara ini dinyatakan oleh TKP OP KAGAT bahawa semua anggota KAGAT akan menerima latihan sesuai dengan manual Doktrin KAGAT Semasa Perang sepenuhnya, manakala medan latihan khusus bagi latihan di kawasan operasi akan diwujudkan di pusat latihan KAGAT iaitu di Institut Latihan dan Kefahaman Islam ATM (ILMI).

Rujukan

1. Abu Hamid Muhammad al-Ghazali. 1993. *Mauizah Al-Mu'min Min Ihya' Ulum Al-Dīn*. Ptrj Syed Ahmad Semait. Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD.
2. Abu Hamid Muhammad al-Ghazali. 2000. *Rawdah Al-Talibin Wa 'Umdah Al-Salikin*. Beirut: Dal al-Nahdah al Hadisah.
3. Asmawati Suhid. 2016. Pengajaran adab & akhlak islam dalam membangunkan modal insan. *Jurnal Pengajian Umum* Bil.8.
4. Burhanuddin Jalal. 2015. Tahap penghayatan islam dalam pengurusan diri anggota angkatan tentera malaysia. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan* 2(2):34–41.
5. Daud Mohamed Salleh, Noor Azmi Mohd Zainol, & Zahimi Zainol Abidin. 2015. Keberkesanan program pengajian islam terhadap kefahaman islam dalam kalangan anggota tentera. *International Seminar On al-Quran In Contemporary Society*.
6. Elmi Baharuddin, & Zainab Ramli. 2014. Definisi dan konsep kecerdasan ruhaniyah menurut perspektif sarjana islam. *Jurnal Penyelidikan JAKIM* Bil 26 .
7. Fr. Louis Ma'luf al Yassu'i, & Bernard Tottel al Yassu'i. 1987. *Al-Munjid Fī Al-Lughah Wa al-I'lam*. Beirut: Dar Al Masyrik.
8. Jabatan Arah KAGAT. 2010. *Meniti Kecemerlangan*. 1st ed. Kuala Lumpur: Markas Angkatan Tentera Malaysia.
9. Jabatan Arah KAGAT. 2016. *Kursus Pegawai Staf Agama Gred 2*. Kuala Lumpur: Markas Angkatan Tentera Malaysia.
10. Jabatan Arah Kor Agama Angkatan Tentera. 1995. *Pendidikan Rohani Untuk Pusat-Pusat Latihan Angkatan Tentera Malaysia*. Kuala Lumpur: Kor Agama Angkatan Tentera.
11. Khairul Fauzi Azmi, & Badlihisham Mohd Nasir. 2012. Pelaksanaan perkhidmatan dasar pembinaan mental dan kerohanian islam (dpmki) di bawah kepimpinan organisasi kor agama angkatan tentera (kagat). *Proceeding: International Conference On Islamic Leadership-2 (ICIL)*.
12. Kor Agama Angkatan Tentera. 1997. *KAGAT Wadah Dan Profesionalisma KAGAT - Wadah Dan Profesionalisma*. Kuala Lumpur: Smart Print & Stationer Sdn.Bhd.
13. Markas Latihan dan Doktrin Tentera Darat. 2010. *Tentera Darat Malaysia*. Markas Latihan Dan Doktrin Tentera Darat.
14. Ministry of Defence, Shrivenham, SWINDON, Wiltshire, & 8RF, SN6. t.th. *Army Doctrine Publication Operation*. UK.
15. Mohd Rahim Awang. 1997. *KAGAT Wadah Dan Profesionalisma*. Kuala Lumpur: Kor Agama Angkatan Tentera.
16. Mohd Rashidi Bujai, & Azmil Hashim. 2015. Pelaksanaan aktiviti keagamaan dan hubungannya dengan penghayatan kerohanian anggota atm. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 1(1):176–86.
17. Nawawi Daud. 2017. Pelaksanaan Tugas Anggota KAGAT Terhadap Operasi TDM. Kuala Lumpur. Temu bual, 23 November.
18. Noor Azmi Mohd Zainol, & Daud Mohamed Salleh. 2015. Pembentukan model kepimpinan ketenteraan berteraskan al-quran dan sunnah. *International Seminar On al-Quran In Contemporary Society* 589–601.
19. Nora Ahmad@Aziz. 2014. Peranan sel psikologi dan kaunseling tentera darat (spk td) dalam menangani konflik keluarga tentera darat. Tesis Sarjana Falsafah: Jabatan Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
20. Riduan. 2012. *Skala Pengukuran Variable-variable: Penelitian*. Alfabeta, Bandung.
21. Sel Agama TDM. 2018. Aktiviti Kerohanian Anggota TDM. Laporan Aktiviti Kerohanian Anggota TDM Berakhir 2017.
22. Seyyed Hossein Nasr. 1987. *Islamic Spirituality Faundation*. London: Routledge Taylor & Francis Group.
23. Zulkifli Mustafa. 2016. Pembangunan dan pelaksanaan kursus pendidikan islam dan fardu ain (pifa) dalam angkatan tentera malaysia. Tesis Sarjana Falsafah: Jabatan Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.